



Pusat Perhubungan Pelanggan

Tel Hubungi 1 300 80 3030 pada kadar tempatan

Talian Utama +603 2268 3333

Emel customer@amassurance.com.my

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Polisi AmPro Personal Accident Plus

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans AmPro Personal Accident Plus. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk insurans ini?

Produk ini akan membayar pampasan kepada anda dan/atau pasangan anda dan/atau anak anda untuk kecederaan tubuh badan yang disebabkan **kemalangan**, menyebabkan hilang upaya pada diri anda atau jika berlaku kematian, kepada waris yang telah dinamakan atau wakil peribadi anda yang sah.

2. Apakah perlindungan / faedah yang diberikan?

Produk ini meliputi:

Manfaat 1	Kematian Akibat Kemalangan
Manfaat 2	Hilang Upaya Kekal
Manfaat 3	Perbelanjaan Perubatan
Manfaat 4	Faedah Hospital
	a) Elaun di Hospital
	b) Elaun rawatan susulan selepas keluar dari Hospital
	c) Elaun lawatan keluarga terdekat
Manfaat 5	Faedah Mingguan Kecacatan Kekal Sementara
Manfaat 6	Ragut
Manfaat 7	Liabiliti Diri

Untuk anak-anak yang layak, Manfaat 2, 3, 4, 6 & 7 tertakluk kepada 50% daripada jumlah manfaat yang dinyatakan pada skala manfaat. Kanak-kanak tidak layak menerima Manfaat 5.

Nota: Sila rujuk kepada skala manfaat bagi kematian dan hilang upaya dalam contoh kontrak polisi.

Tempoh perlindungan ialah 1 tahun.

Perlindungan: selama 24 jam, Had Persempadanan bagi Manfaat 1 hingga Manfaat 6 adalah Seluruh Dunia manakala Had Persempadanan bagi Manfaat 7 adalah Seluruh Dunia kecuali Amerika Syarikat/Kanada.

Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza-beza bergantung kepada yang berikut:

<u>Orang Yang Diinsuranskan</u>	<u>Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)</u>	<u>Premium (RM)</u>
Anda	_____	_____
Pasangan hidup anda	_____	_____
Anak-anak Anda (Sehingga maksimum 4 orang anak)	_____	_____
Jumlah premium yang perlu anda bayar ialah	_____	_____

4. Apakah jenis yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan caj-caj yang anda perlu bayar ialah:

Jenis	Amaun
Cukai Perkhidmatan	6% daripada premium
Duti Setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	25% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

Had Umur

- Pihak Diinsuranskan atau pasangannya mestilah berumur 16 tahun hingga 65 tahun, boleh diperbaharui sehingga 70 tahun. Pihak Diinsuranskan yang berumur 16 tahun dan ke atas tetapi di bawah 18 tahun mesti mendapatkan kebenaran ibubapa/penjaga sebelum membeli polisi ini.
- Anak Pihak Diinsuranskan yang masih berada di bawah tanggungan kewangan dan/atau masih menuntut dan yang tidak bekerja atau berkahwin, antara 1 bulan dan di bawah 25 tahun dan tinggal secara tetap di Malaysia.

Kepentingan membuat Pendedahan

- MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penjaagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans samada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- Jika terdapat sebarang perubahan di dalam profil hayat anda termasuklah pekerjaan dan matlamat peribadi, anda perlu memaklumkan kami serta-merta.

Pampasan / Gantirugi

- Kami akan membayar pampasan ke atas kematian atau kecederaan (Hilang Upaya Kekal) berdasarkan "Jadual Manfaat" yang dilampirkan bersama polisi. Walau bagaimana pun, untuk tuntutan seperti perbelanjaan perubatan, anda akan diberi pampasan melalui bayaran balik berdasarkan jumlah sebenar yang terlibat tertakluk kepada had yang ditetapkan di dalam polisi.

Penamaan/ Pembahagian

- Anda dinasihatkan untuk menamakan seorang waris dan memastikan yang pewaris tersebut menyedari tentang polisi yang telah anda beli.

Tunai Sebelum Perlindungan

- Adalah menjadi asas dan syarat mutlak khas insurans ini bahawa premium perlu dibayar dan diterima kami sebelum perlindungan bermula. Polisi insurans ini akan menjadi batal dan tidak sah secara serta-merta jika syarat ini tidak dipatuhi.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk contoh kontrak polisi untuk terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh atau akibat daripada:

- Peperangan dan risiko bersekutu;
- Bunuh diri (sama ada waras atau tidak) atau sebarang percubaan sepertinya;
- AIDS;
- Bersalin, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasi daripada itu;
- Ketika mengembara dalam kapal terbang atau kapal laut sebagai anak kapal/kelasi;
- Perlakuan jenayah;
- Sebarang jenis aktiviti sukan profesional;
- Kemalangan radioaktif dan kemalangan bahan senjata nuklear;
- Ancaman Keganasan;
- Kecacatan atau kelemahan fizikal, penyakit, sebarang jenis sawan yang sedia wujud;
- Ketika melakukan tugas aktif untuk mana-mana yang berikut:
Pelumba, ahli sukan profesional, pekerja luar pesisir, pelaut, pembalok, anak kapal, nelayan, joki lumba kuda, penghibur profesional, pembuat/pengendali bahan letupan, kelasi, juruterbang dan pemandu ujian, pemungkah, penyelam profesional, ahli bomba, pekerja bawah tanah, ahli pasukan bersenjata, perkhidmatan atau operasi tentera laut atau udara, pasukan polis dan khidmat penyelamat.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk contoh kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Sebaik pembatalan, anda akan menerima pulangan bayaran premium berdasarkan kadar tempoh pendek* selama mana tempoh polisi telah berkuatkuasa. Sebarang nilai premium minimum yang dibayar di bawah polisi ini tidak akan dipulangkan. Tiada premium akan dikembalikan jika terdapat tuntutan yang pernah dibuat di bawah polisi ini.

*Jadual Kadar Tempoh Pendek

Tempoh tidak melebihi	Premium Tahunan Yang Dikembalikan
15 hari	90% (terpakai untuk pembaharuan sahaja)
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada pulangan bayaran

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami terhadap sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda (termasuk penama dan/atau waris) bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Kemalangan Diri', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah salinan daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmGeneral Insurans Berhad

Menara Shell,

No. 211, Jalan Tun Sambanthan,

50470, Kuala Lumpur, Malaysia.

Talian Bebas : 1-300-80-3030

E-mel : customer@amassurance.com.my

Laman Web : www.amassurance.com.my

10. Lain-lain jenis Perlindungan Insurans Serupa yang Ada

Sila rujuk cawangan kami yang berdekatan anda serta ejen-ejen untuk maklumat lanjut.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN KEPADA SKALA FAEDAH UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 1 Disember 2019.